

Kempen Travel.Eat.Play dengan Kad Kredit Visa Alliance Bank

Terma dan Syarat

1. **"Kempen Travel.Eat.Play dengan Kad Kredit Visa Alliance Bank" ("Kempen")** yang dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank") akan berlangsung mulai 28 Oktober 2024 hingga 31 Disember 2024 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) atau tempoh lain sebagaimana yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa ("**Tempoh Kempen**").
2. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (sebagaimana yang ditakrifkan di bawah) telah membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya segala Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan bersetuju sepenuhnya untuk menerima dan terikat dengan segala Terma dan Syarat.

Kelayakan Pemegang Kad Kredit Visa Alliance Bank

3. Kempen ini adalah terbuka kepada semua Pemegang Kad Kredit Visa Alliance Bank ("**Pemegang Kad Kredit yang Layak**") yang mempunyai Kad Kredit Visa Alliance Bank yang sah dan pembayaran boleh dibuat di titik transaksi dalam Tempoh Kempen ("**Kad Kredit**"), sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank menurut dasar dalaman Bank.
4. Untuk mengelakkan keraguan:
 - a. Transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad Tambahan berhubung dengan Kempen ini akan terakru kepada Pemegang Kad Utama dengan syarat akaun Pemegang Kad Utama tersebut adalah aktif, sah dan mempunyai kedudukan kredit yang baik;
 - b. Penamatan akaun Kad Tambahan oleh Pemegang Kad Tambahan tidak akan membatalkan Pemegang Kad Utama daripada mengambil bahagian dalam Kempen.
5. Individu berikut **TIDAK** layak mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a. Pemegang mana-mana Kad Kredit Perniagaan dan/atau Kad Kredit Visa bukan Alliance Bank;
 - b. Pemegang kad yang akaunnya dengan Bank adalah dorman, tidak aktif, ditutup, ditamatkan dan/atau tidak dikendalikan dengan memuaskan;
 - c. Pemegang kad yang telah meninggal dunia, atau individu yang sedang menghadapi sebarang jenis prosiding undang-undang;
 - d. Individu yang tidak waras, bawah umur atau bankrap;
 - e. Mana-mana individu lain yang ditentukan oleh Bank untuk dikecualikan menurut dasar dalamannya;
 - f. Mana-mana individu lain yang diputuskan oleh Bank untuk dikecualikan menurut prosedur dalamannya;
 - g. Pemilikan tunggal, Perkongsian, Organisasi/Pertubuhan Kebajikan/Bukan Untung, dan Pelanggan Korporat dan Komersial
 - h. Kakitangan tetap dan/atau kakitangan kontrak di jabatan Kad Kredit yang melaksanakan kempen ini ("**Kakitangan Tidak Layak**").
6. Untuk mengelakkan keraguan, kakitangan Bank yang lain (tidak termasuk Kakitangan Tidak Layak) layak untuk menyertai Kempen ini. Walau bagaimanapun, semua penyertaan yang diperoleh oleh kakitangan tersebut hanya layak untuk pemilihan pemenang Hadiah Bulanan; dan **TIDAK** layak untuk diletakkan dalam pencalonan dan tidak akan memenangi Hadiah Utama.

MEKANIK KEMPEN

7. Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan yang Layak mesti memenuhi sekurang-kurangnya satu daripada kriteria berikut ("**Kriteria Kelayakan**") untuk memperoleh penyertaan kempen ("**Penyertaan Layak**") dengan Kad Kredit Visa Bank:
 - a. Setiap perbelanjaan RM500 atau perbelanjaan runcit yang setara dengannya dalam satu resit sama ada di kedai dan/atau dalam talian bagi yang berikut akan melayakkan pelanggan memperoleh 10 penyertaan setiap satu:
 - ii) Kategori Pelancongan (mata wang tempatan dan/atau asing); dan/atau
 - iii) Sebarang mata wang asing ("**Perbelanjaan Luar Negara**").
 - b. Setiap perbelanjaan runcit RM100 dalam satu resit bagi perbelanjaan runcit tempatan lain sama ada di kedai dan/atau dalam talian ("**Perbelanjaan Runcit Tempatan**").

Bagi Kempen ini, jumlah perbelanjaan adalah gabungan perbelanjaan menggunakan Kad Utama dan Tambahan.

Kriteria Kelayakan Kempen dan Penyertaan Layak adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Kriteria Kelayakan Kempen & Penyertaan Layak

Kriteria Kelayakan		Bilangan Penyertaan Layak
A)	Setiap RM500 atau yang setara dengannya bagi perbelanjaan runcit dalam satu resit menerusi pembelian di kedai dan/atau dalam talian bagi yang berikut: <ol style="list-style-type: none"> i) Kategori Pelancongan (mata wang tempatan dan/atau asing); dan/atau ii) Sebarang mata wang asing ("Perbelanjaan Luar Negara") 	10 penyertaan

B)	Setiap RM100 perbelanjaan runcit dalam satu resit bagi perbelanjaan runcit tempatan lain* di kedai dan/atau dalam talian (“Perbelanjaan Runcit Tempatan”) <i>*tidak termasuk sebarang perbelanjaan runcit tempatan dalam Kategori Pelancongan.</i>	5 penyertaan
----	--	--------------

8. Kategori Pelancongan hanya terpakai untuk Kod Kategori Saudagar berikut sahaja (“MCC yang Layak”):

Kategori	MCC yang Layak
Pelancongan	3000 - 3999, 4011 - 4411, 4511, 4582 - 4723, 4789, 5962, 6555, 7011, 7012, 7512, 7991, 7998, 7999

9. Perbelanjaan Runcit Tempatan merujuk kepada perbelanjaan yang dicaj dalam mata wang tempatan Ringgit Malaysia (“RM”); dan tidak termasuk sebarang perbelanjaan Kategori Pelancongan yang dibuat dalam RM berhubung dengan Kriteria Kelayakan A(i). Perbelanjaan Luar Negara yang dicaj dalam mata wang asing akan ditukar kepada Ringgit Malaysia oleh Bank untuk pengiraan penyertaan.

10. Untuk mengelakkan keraguan, perbelanjaan hanya melibatkan sama ada “Kategori Pelancongan”, “Perbelanjaan Luar Negara” atau “Perbelanjaan Runcit Tempatan” tanpa tindanan. Oleh itu, Pemegang Kad yang Layak hanya akan diberikan penyertaan bagi SATU sahaja antara kategori “Perbelanjaan Runcit” “Perbelanjaan Kategori” atau “Perbelanjaan Luar Negara”.

11. Perbelanjaan runcit adalah tidak termasuk yang berikut:

- Fi pendahuluan tunai atau pengeluaran tunai, Program Pemindahan Baki, Tunai Segera, Pelan Ansuran Tunai, pembayaran bil melalui perbankan Internet, transaksi JomPay, transaksi FPX; transaksi kuasi tunai, fi tahunan, fi bayaran lewat, faedah, caj pembiayaan; dan/atau mana-mana program usaha sama khas;
- Transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad yang Layak dengan mana-mana saudagar yang mempunyai kaitan dengannya atau di bawah kawalannya (sama ada sebagai kakitangan, majikan, pemilik, rakan kongsi, pemegang saham atau pengarah), iaitu transaksi oleh Pemegang Kad yang Layak dengan mana-mana syarikat atau entiti perniagaan di mana ia merupakan kakitangan atau majikan atau bekerjasama atau mempunyai saham atau kepentingan atau merupakan pengarahnya;
- Transaksi runcit yang dipulangkan, dipertikaikan, dibuat tanpa kebenaran dan/atau berunsur penipuan; dan/atau
- Transaksi dengan Kod Kategori Saudagar (“MCC”), sebagaimana dalam Jadual 2:

Jadual 2: Transaksi/Fi dan Caj yang Dikecualikan

Transaksi/Fi dan Caj	Kod MCC
Pembayaran Insurans	5960 - Pemasaran Langsung - Perkhidmatan Insurans 6300 - Penajajaminan, Premium Insurans
Tambahan nilai e-dompet	6540 - Institusi Bukan Kewangan - Pembelian/Penambahan Nilai bagi Kad Nilai Tersimpan
Transaksi runcit yang dibuat/pembayaran yang dibuat kepada mana-mana Agensi/Badan Kerajaan bagi perkhidmatan	9211 – Kos Mahkamah termasuklah Alimoni dan Tanggungan Anak 9222 - Denda 9223 - Pembayaran Jaminan dan Bon 9311 - Pembayaran cukai 9399 - Perkhidmatan Kerajaan (Tidak dikelaskan di tempat lain) 9402 - Perkhidmatan pos - Kerajaan sahaja 9405 - Transaksi Intra-Kerajaan - Kerajaan sahaja
Pembayaran kepada organisasi kebajikan/perkhidmatan sosial	8398 – Organisasi Kebajikan dan Perkhidmatan Sosial
Transaksi Kuasi Tunai	7995 – Transaksi Perjudian
Pendahuluan Tunai, sebarang fi dan caj seperti Caj Pembiayaan, Caj Lewat, Fi Tahunan, Pemindahan Baki atau Tunai Segera adalah tidak layak untuk mendapatkan sebarang Ganjaran Kempen	NIL

e. Transaksi lain yang dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

12. Peletakan kategori Saudagar dan MCC bagi setiap saudagar dilaksanakan oleh bank pemeroleh saudagar yang berkenaan dan adalah menjadi tanggungjawab bank tersebut untuk memperuntukkan kategori Saudagar dan MCC yang tepat. Sekiranya Pemegang Kad yang Layak tidak memenuhi kriteria Transaksi yang Layak

disebabkan oleh peruntukan kategori Saudagar dan MCC yang salah oleh bank pemroses, Bank tidak bertanggungjawab atas percanggahan tersebut yang merupakan di luar kawalan Bank.

13. Transaksi yang Layak mestilah menunjukkan tarikh transaksi (ditakrifkan sebagai tarikh di mana transaksi dicaj kepada Kad Kredit Pemegang Kad yang Layak sebagaimana dalam rekod Bank) dalam Bulan Kempen yang sama dan akan diagregatkan bagi Bulan Kempen yang sama. Transaksi yang diluluskan yang dibuat sepanjang Tempoh Kempen mesti direkodkan dan dihantar ke sistem Bank dalam Tempoh Kempen untuk melayakkan diri bagi Hadiah Kempen. Segala transaksi yang diluluskan sebagaimana yang direkodkan oleh Bank adalah muktamad, tidak dapat dipertikaikan dan mengikat semua Pemegang Kad yang Layak. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas penghantaran transaksi runcit yang lewat, dibatalkan, dibalikkan/dipulangkan, dipertikaikan, dibuat tanpa kebenaran dan/atau berunsur penipuan. Sebarang amaun Transaksi yang tidak dihantar dalam bulan yang sama transaksi tersebut dibuat tidak akan diagregatkan bagi bulan tersebut.

Rujuk Contoh 1 di bawah bagi contoh penyertaan yang diperoleh:

Contoh 1: Bilangan Penyertaan yang Diperoleh

Senario A:

Pelanggan A menggunakan Kad Kredit Visa Alliance Bank untuk perbelanjaan berikut:

- RM1,200 bagi pembelian tiket penerbangan ke Langkawi menerusi Malaysia Airlines;
- RM600 bagi penginapan di hotel di Langkawi;
- RM100 untuk makan di Kopitiam ABC di Kuala Lumpur.

Pelanggan A memperoleh sejumlah 35 Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Kempen, kerana beliau menepati semua Kriteria Kelayakan.

Pemegang Kad yang Layak	Tarikh	Kriteria Kelayakan	Amaun yang Dibelanjakan	Memenuhi Syarat Penyertaan	Bilangan Penyertaan Layak
Pelanggan A	31 Oktober 2024	Pembelian tiket penerbangan: Kriteria Kelayakan A (i) Kategori Pelancongan	RM1,200	Ya	20
	31 Oktober 2024	Penginapan hotel: Kriteria Kelayakan A (i) Kategori Pelancongan	RM600	Ya	10
	5 November 2024	Makan di Kuala Lumpur: Kriteria Kelayakan B Perbelanjaan Runcit Tempatan	RM100	Ya	5
Jumlah Penyertaan Layak yang Diperoleh					35

Senario B:

Pelanggan B menggunakan Kad Kredit Visa Alliance Bank untuk perbelanjaan berikut:

- RM5,500 bagi pembelian tiket penerbangan melalui Singapore Airlines ke London;
- RM3,000 bagi penginapan hotel di London;
- RM700 untuk makan di London;
- RM45 untuk makan di KLIA.

Pelanggan B memperoleh sejumlah 180 Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Kempen kerana beliau memenuhi semua Kriteria Kelayakan, kecuali perbelanjaan tempatan untuk makan kerana ia tidak memenuhi syarat amaun Perbelanjaan Runcit Tempatan.

Pemegang Kad yang Layak	Tarikh	Kriteria Kelayakan	Amaun yang Dibelanjakan	Memenuhi Syarat Penyertaan	Bilangan Penyertaan Layak
Pelanggan B	28 Oktober 2024	Pembelian tiket penerbangan: Kriteria Kelayakan A (i) Kategori Pelancongan	RM5,500	Ya	110
	20 November 2024	Penginapan hotel : Kriteria Kelayakan A (i) Kategori Pelancongan	RM3,000	Ya	60
	22 November 2024	Makan di London: Kriteria Kelayakan A Perbelanjaan Luar Negara	RM700	Ya	10

	5 November 2024	Makan di KLIA: Amaun perbelanjaan tidak memenuhi Kriteria Kelayakan B Perbelanjaan Runcit Tempatan	RM45	Tidak	0
Jumlah Penyertaan Layak yang Diperoleh					180

Senario C:

Pelanggan C menggunakan Kad Kredit Visa Alliance Bank untuk perbelanjaan berikut:

- RM2,000 bagi pakej tiket penerbangan dan hotel melalui Booking.com;
- RM400 bagi perbelanjaan makan di Indonesia;
- RM1,000 bagi pembayaran premium insurans
- RM150 bagi pembelian di 99 Speedmart

Pelanggan C memperoleh sejumlah 40 Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Kempen kerana beliau hanya memenuhi Kriteria Kelayakan bagi perbelanjaan untuk pakej tiket penerbangan dan hotel.

Pemegang Kad yang Layak	Tarikh	Kriteria Kelayakan	Amaun yang Dibelanjakan	Memenuhi Syarat Penyertaan	Bilangan Penyertaan Layak
Pelanggan C	5 November 2024	Pembelian pakej melalui Booking.com: Kriteria Kelayakan A (i) Kategori Pelancongan	RM2,000	Ya	40
	25 December 2024	Perbelanjaan makan di Indonesia: Amaun perbelanjaan tidak memenuhi Kriteria Kelayakan A (ii) Perbelanjaan Luar Negara	RM400	Tidak	0
	27 Disember 2024	Pembayaran premium insurans: Tidak layak menurut Fasal 10d - Jadual 2: Transaksi/Fi dan Caj yang Dikecualikan	RM1,000	Tidak	0
	28 Disember 2024	Pembelian di 99 Speedmart: Kriteria Kelayakan B Perbelanjaan Runcit Tempatan.	RM150	Ya	5
Jumlah Penyertaan Layak yang Diperoleh					45

14. Kempen ini tidak boleh digabungkan dengan mana-mana promosi atau kempen lain yang dianjurkan oleh Bank yang sedang berlangsung kecuali dinyatakan sebaliknya.

HADIAH-HADIAH KEMPEN

15. Ganjaran Kempen yang diberikan untuk Kempen ini adalah menurut dasar dalaman Bank dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Bank mengenainya akan dianggap sebagai muktamad.
16. Tertakluk kepada terma dan syarat pemilihan Pemenang Kempen, Bank akan memberikan Hadiah Kempen berikut:
- Hadiah Bulanan** – Baucar Kod Promo Pick A Trip RM300, sah digunakan melalui laman web Pick A Trip, www.pickatrip.com.my atau aplikasi mudah alih; dan
 - Hadiah Utama** – Pilihan pakej pelancongan Baucar Hadiah Percutian CIT untuk 2 orang dewasa ke England/Greece/Turki/China/Jepun bernilai RM46,000, termasuk tiket penerbangan pergi balik, penginapan, bersiar-siar dan makan minum. Pemenang boleh memilih pakej pelancongan daripada pilihan yang diberi.

Tempoh Kempen, Hadiah Kempen dan bilangan pemenang Kempen adalah seperti dalam Jadual 3:

Jadual 3: Tempoh Penyertaan Kempen, Hadiah Kempen dan Pemenang Kempen

Kategori Hadiah Kempen	Bulan Penyertaan Kempen (“Bulan Kempen”)	Tempoh Penyertaan Kempen	Hadiah Kempen	Bilangan Pemenang Kempen	Jumlah Hadiah
------------------------	--	--------------------------	---------------	--------------------------	---------------

a) Hadiah Bulanan	Bulan 1	28 Oktober 2024 – 30 November 2024	Baucar Kod Promo Pick A Trip RM300	30	RM9,000
	Bulan 2	1 Disember 2024 – 31 Disember 2024	Baucar Kod Promo Pick A Trip RM300	30	RM9,000
Jumlah Hadiah Bulanan				60	RM18,000

Kategori Hadiah Kempen	Bulan Penyertaan Kempen (“Bulan Kempen”)	Tempoh Penyertaan Kempen	Hadiah Kempen	Bilangan Pemenang Kempen	Jumlah Hadiah
b) Hadiah Utama	Bulan 1 – Bulan 2	28 Oktober 2024 – 31 Disember 2024	Pakej lawatan untuk 2 orang dewasa ke England/ Jepun/Turki/ Greece/China bernilai RM46,000, termasuk tiket penerbangan pergi balik, penginapan, bersiar-siar dan makan	3	RM108,000

17. Pemegang Kad yang Layak boleh memenangi sehingga maksimum dua (2) Hadiah Bulanan dan satu (1) Hadiah Utama sepanjang Tempoh Kempen.

Hadiah Bulanan

18. Perincian mengenai Hadiah Bulanan adalah seperti berikut:
- Hadiah Bulanan disediakan dan disokong oleh Corporate Information Travel Sdn Bhd (“CIT”) dan terdiri daripada Baucar Kod Promo Pick A Trip RM300 (“Baucar Kod Promo PAT”);
 - Baucar Kod Promo PAT boleh digunakan untuk menebus dan/atau membuat tempahan bagi perkhidmatan yang berkaitan dengan pelancongan termasuk tetapi tidak terhad kepada tiket penerbangan, penginapan di hotel dan/atau pakej percutian;
 - Penebusan Baucar Kod Promo PAT untuk tempahan penerbangan, hotel dan/atau aktiviti perlu dibuat menerusi laman web/aplikasi Pick A Trip yang diuruskan oleh CIT;
 - Baucar Kod Promo PAT adalah sah untuk tempoh satu (1) tahun dari tarikh ia dikeluarkan. Kegagalan untuk menebus Baucar Kod Promo PAT dalam tempoh yang tersebut akan mengakibatkan pembatalan Baucar Kod Promo PAT dan/atau menjadi tidak sah dan/atau tidak boleh digunakan untuk penebusan;
 - Semua perkhidmatan adalah tertakluk kepada ketersediaan dan Bank tidak mempunyai kawalan atas pengaturan tersebut yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tiket penerbangan, penginapan di hotel, dan/atau pakej percutian, dan pengaturan tersebut mungkin tertakluk kepada perubahan. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang perubahan dan/atau pembatalan pengaturan tersebut;
 - Apabila Baucar Kod Promo PAT ditebus, sebarang perubahan dan/atau pembatalan akan tertakluk kepada penalti pembatalan dan/atau fi pindaan ejen;
 - Penebusan tidak boleh dibahagikan kepada beberapa penebusan dan mesti digunakan menurut amaun yang ditetapkan. Sebarang kos tambahan perlu ditanggung oleh Pemenang Kempen;
 - Baucar Kod Promo PAT adalah unik dan hanya boleh digunakan sekali sahaja. Sebarang amaun yang tidak digunakan akan terbatal;
 - Baucar Kod Promo PAT tidak boleh dipindah milik atau ditebus untuk mendapatkan tunai dan ia tidak mempunyai nilai pemulangan.
 - Baucar Kod Promo PAT tidak boleh digunakan, ditempah dan/atau ditebus bersama mana-mana promosi khas, kecuali dinyatakan sebaliknya.
 - CIT berhak untuk tidak melayan pelanggan sekiranya pelanggan tersebut dianggap menyalahgunakan penebusan iaitu untuk pengguna komersial/terdapat konflik kepentingan.
 - Tertakluk kepada terma dan syarat CIT.
19. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak membuat dan dengan ini secara nyata mengecualikan dan menafikan sebarang pernyataan atau waranti berhubung dengan CIT. Bank khususnya tidak memberikan sebarang waranti atau sokongan, sama ada secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan kualiti produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh CIT. Segala pertikaian yang timbul daripada Hadiah Bulanan perlu dikemukakan kepada CIT. Bank tidak menjamin atau bertanggungjawab atas sebarang kerosakan atau kecederaan yang diakibatkan oleh penggunaan Hadiah Bulanan dan tidak membuat pernyataan berkenaan kualiti atau kesesuaian Hadiah Bulanan tersebut;

Hadiah Utama

20. Perincian mengenai Hadiah Utama adalah seperti berikut:

- a) Hadiah Utama disediakan dan disokong oleh Corporate Information Travel Sdn Bhd (“CIT”). Pemenang Kempen hanya boleh memilih satu (1) daripada lima (5) pilihan pakej Baucar Hadiah Percutian bernilai RM46,000 setiap satu untuk dua (2) orang dewasa, seperti dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Pilihan Pakej Baucar Hadiah Percutian

i) 5 Hari 4 Malam: London, England	ii) 5 Hari 4 Malam : Osaka, Jepun	iii) 6 Hari 5 Malam: Istanbul - Cappadocia, Turki
<p>Tarikan: Istiadat Pertukaran Pengawal di Buckingham Palace, Westminster Abbey dan pengalaman minum petang Bustronome.</p> <p>Perkara yang Termasuk dalam Pakej:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi termasuk cukai dari Kuala Lumpur – London – Kuala Lumpur; termasuk cukai lapangan terbang, makanan di dalam kapal, tempat duduk standard dan elaun bagasi (syarikat penerbangan perkhidmatan penuh); • Perkhidmatan pengangkutan lapangan terbang; • Penginapan ‘twin sharing’ 4 malam di hotel yang dicadangkan (Thistle London Marble Arch atau yang setara dengannya) dengan sarapan setiap hari; • Pengalaman minum petang Bustronome; • Bersiar-siar di Buckingham Palace dan Westminster Abbey, termasuk minum petang; • Perlindungan insurans perjalanan, Pelan Perjalanan Tahunan AIG (sehingga umur 70 tahun). 	<p>Tarikan: Osaka Castle, Shitennoji Temple, Shinsaibashi Shopping Arcade, pengalaman Omakase dan pengalaman menikmati hidangan bintang Michelin .</p> <p>Perkara yang Termasuk dalam Pakej:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi termasuk cukai dari Kuala Lumpur – Osaka – Kuala Lumpur; termasuk cukai lapangan terbang, makanan di dalam kapal, tempat duduk standard dan elaun bagasi (syarikat penerbangan perkhidmatan penuh); • Perkhidmatan pengangkutan lapangan terbang; • Penginapan ‘twin sharing’ 4 malam di hotel yang dicadangkan (Hotel New Hankyu Osaka atau yang setara dengannya) dengan sarapan setiap hari; • Lawatan bandar Osaka; • Pengalaman menikmati hidangan Omakase di restoran yang dicadangkan (Kitashinchi Okurano atau yang setara dengannya); • Pengalaman menikmati hidangan bintang Michelin di restoran yang dicadangkan (Kassen Iritani atau yang setara dengannya); • Perlindungan insurans perjalanan, Pelan Perjalanan Tahunan AIG (sehingga umur 70 tahun). 	<p>Tarikan: Hagia Sophia, Blue Mosque, Topkapi Palace, pengalaman Hamman, menaiki belon udara panas, Goreme Open Air Museum</p> <p>Perkara yang Termasuk dalam Pakej:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi termasuk cukai dari Kuala Lumpur – Istanbul – Kuala Lumpur; termasuk cukai lapangan terbang, makanan di dalam kapal, tempat duduk standard dan elaun bagasi (syarikat penerbangan perkhidmatan penuh); • Perkhidmatan pengangkutan lapangan terbang; • Penginapan ‘twin sharing’ 3 malam di hotel yang dicadangkan di Istanbul (Villa Pera Suite Hotel atau yang setara dengannya) dengan sarapan setiap hari; • Penginapan ‘twin sharing’ 2 malam di hotel yang dicadangkan di Cappadocia (Helios Cave Hotel atau yang setara dengannya) dengan sarapan setiap hari; • Perkhidmatan pengangkutan dan bersiar-siar di Istanbul dan menaiki belon udara panas di Cappadocia¹; • Satu (1) jam Pengalaman Turkish Hammam di ruang mandi yang dicadangkan (Sultan Suleyman Hamam Traditional Bath atau yang setara dengannya); • Pengalaman menikmati hidangan bintang Michelin² di Istanbul di restoran yang dicadangkan (Matbah Restaurant atau yang setara dengannya); • Perlindungan insurans perjalanan, Pelan Perjalanan Tahunan AIG (sehingga umur 70 tahun).

		¹ Tertakluk kepada keadaan cuaca semasa ketibaan. ² Tertakluk kepada luar musim puncak dan ketersediaan semasa tempahan dibuat
Tidak Termasuk: <ul style="list-style-type: none"> • Makanan dan minuman, perkhidmatan pengangkutan, aktiviti dan lawatan pilihan lain yang tidak terdapat dalam itinerari; • Gratuiti kepada pemandu dan pemandu pelancong; • Surcaj dalam musim puncak, hujung minggu dan acara pameran; • Perbelanjaan peribadi seperti makanan dan minuman lain, caj telefon atau telefon bimbit, cenderamata, dobi • Untuk mengelakkan keraguan, mana-mana item yang tidak terdapat dalam Perkara yang Termasuk dalam Pakej perlu ditanggung oleh Pemenang Hadiah Utama 		

iv) 7 Hari 6 Malam: Athens – Santorini – Mykonos, Greece	v) 8 Hari 7 Malam: Kunming - Dali - Lijiang, China
<p>Tarikan: Panathenaic Stadium, Parthenon, pengalaman menikmati hidangan bintang Michelin, Santorini, Mykonos</p> <p>Perkara yang Termasuk dalam Pakej:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi termasuk cukai dari Kuala Lumpur – Athens – Kuala Lumpur; termasuk cukai lapangan terbang, makanan di dalam kapal, tempat duduk standard dan elaun bagasi (syarikat penerbangan perkhidmatan penuh); • Perkhidmatan pengangkutan lapangan terbang; • Penginapan 'twin sharing' 2 malam di hotel yang dicadangkan di Athens (The Stanley Hotel atau yang setara dengannya) dengan sarapan setiap hari; • Penginapan twin sharing 2 malam di hotel yang dicadangkan di Santorini (Aegean Plaza Hotel atau yang setara dengannya) dengan sarapan setiap hari; • Penginapan twin sharing 2 malam di hotel yang dicadangkan di Mykonos (Pelican Bay Hotel atau yang setara dengannya) dengan sarapan setiap hari; • Perkhidmatan pengangkutan feri antara Athens, Santorini dan Mykonos; • Bersiar-siar di Athens; • Pengalaman menikmati hidangan bintang Michelin¹ di restoran yang dicadangkan (Merceri atau yang setara dengannya); • Perlindungan insurans perjalanan, Pelan Perjalanan Tahunan AIG (sehingga umur 70 tahun). <p>¹ Tertakluk kepada luar musim puncak dan ketersediaan semasa tempahan dibuat.</p>	<p>Tarikan: Kota Purba Lijiang – Gunung Salji Jade Dragon – Bandar Purba Shuhe</p> <p>Perkara yang Termasuk dalam Pakej:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi termasuk cukai dari Kuala Lumpur – Kunming, – Kuala Lumpur; termasuk cukai lapangan terbang, makanan di dalam kapal, tempat duduk standard dan elaun bagasi (syarikat penerbangan perkhidmatan penuh); • Perkhidmatan pengangkutan lapangan terbang; • Penginapan 'twin sharing' 3 malam di hotel yang dicadangkan (Holiday Inn Kunming City Centre atau yang setara dengannya) dengan sarapan setiap hari; • Penginapan 'twin sharing' 3 malam di hotel yang dicadangkan (ClubMed Lijiang atau yang setara dengannya); • Penginapan twin sharing 1 malam di hotel yang dicadangkan (Dali Hampton by Hilton Dali atau yang setara dengannya); • Bersiar-siar dan pengangkutan dengan pemandu pelancong berbahasa Inggeris; • Perlindungan insurans perjalanan, Pelan Perjalanan Tahunan AIG (sehingga umur 70 tahun).
Tidak Termasuk: <ul style="list-style-type: none"> • Makanan dan minuman, perkhidmatan pengangkutan, aktiviti dan lawatan pilihan lain yang tidak terdapat dalam itinerari; • Gratuiti kepada pemandu dan pemandu pelancong; • Surcaj dalam musim puncak, hujung minggu dan acara pameran; • Perbelanjaan peribadi seperti makanan dan minuman lain, caj telefon atau telefon bimbit, cenderamata, dobi • Untuk mengelakkan keraguan, mana-mana item yang tidak terdapat dalam Perkara yang Termasuk dalam Pakej perlu ditanggung oleh Pemenang Hadiah Utama 	

- a) Penebusan, tempahan dan/atau pengaturan perkhidmatan berhubung dengan pelancongan perlu dibuat melalui CIT menerusi telefon di [03 - 9212 0011](tel:03-92120011) atau e-mel ke askme@pickatrip.com.my.
- b) Tempoh penebusan bagi pilihan pakej Baucar Hadiah Percutian adalah sah dari 1 Februari 2025 hingga 30 Jun 2025. Tempoh perjalanan adalah sah hingga 31 Disember 2025. Kegagalan untuk menebus Baucar Hadiah Percutian dalam tempoh yang telah ditetapkan akan mengakibatkan Baucar Hadiah Percutian dibatalkan dan/atau menjadi tidak sah dan/atau tidak boleh digunakan untuk penebusan.
- c) Tempahan awal dan/atau penebusan perlu dibuat dalam tempoh minimum tiga (3) minggu atau dua puluh satu (21) hari;

- d) Harga Baucar Hadiah Percutian adalah tertakluk kepada perubahan sekiranya terdapat pelarasan pada kadar tukaran;
 - e) Itinerari dan perkhidmatan dalam Jadual 4 adalah tertakluk kepada ketersediaan dan Bank tidak mempunyai kawalan atas pengaturan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tiket penerbangan, penginapan di hotel, dan/atau pakej percutian, dan pengaturan tersebut mungkin tertakluk kepada perubahan. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang perubahan dan/atau pembatalan mana-mana pengaturan tersebut;
 - f) Apabila Pakej ditebus, sebarang perubahan dan/atau pembatalan akan tertakluk kepada penalti pembatalan dan/atau fi pindaan ejen;
 - g) Penebusan tidak boleh dibahagikan kepada beberapa penebusan dan mesti digunakan menurut amaun yang ditetapkan. Sebarang kos tambahan perlu ditanggung oleh Pemenang Kempen;
 - h) Baucar Hadiah Percutian tidak boleh dipindah milik atau ditebus untuk mendapatkan tunai dan ia tidak mempunyai sebarang nilai pemulangan.
 - i) Baucar Hadiah Percutian tidak boleh digunakan, ditempah dan/atau ditebus bersama mana-mana promosi khas, kecuali dinyatakan sebaliknya.
 - j) CIT berhak untuk tidak melayan pelanggan sekiranya pelanggan tersebut dianggap menyalahgunakan penebusan iaitu untuk pengguna komersial/terdapat konflik kepentingan.
 - k) CIT, penyedia penerbangan dan pembekalnya yang terlibat dalam Baucar Hadiah Percutian adalah tertakluk kepada terma dan syarat. Sila layari <http://www.cit.travel/terms-conditions/> untuk maklumat lanjut.
- 20) Dengan menyertai Kempen ini, peserta dianggap sebagai telah memberi persetujuan kepada Bank untuk mendedahkan maklumat peribadi mereka seperti nama dan maklumat perhubungan dan sebarang maklumat am mengenai Pemegang Kad yang Layak atau akaun mereka yang dianggap wajar oleh Bank kepada CIT.
- 21) Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak membuat dan dengan ini secara nyata mengecualikan dan menafikan sebarang pernyataan atau waranti berhubung dengan CIT. Bank khususnya tidak memberikan sebarang waranti atau sokongan, sama ada secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan kualiti produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh CIT. Segala pertikaian yang timbul daripada Hadiah Utama perlu dikemukakan kepada CIT. Bank tidak menjamin atau bertanggungjawab atas sebarang kerosakan atau kecederaan yang diakibatkan oleh penggunaan Hadiah Utama dan tidak membuat pernyataan berkenaan kualiti atau kesesuaian Hadiah Utama;
- 22) Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak membuat sebarang pernyataan atau waranti berkenaan CIT dan sebarang pakej dan perkhidmatan yang disediakan oleh CIT. Bank juga tidak membuat pernyataan atau waranti berhubung dengan kesesuaian Hadiah Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahan dan/atau penggunaan Ganjaran Kempen dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan Ganjaran Kempen yang tidak sah atau dibatalkan). Bank tidak memberi jaminan atau bertanggungjawab atas sebarang kerosakan atau kecederaan yang diakibatkan oleh penggunaan Ganjaran Kempen serta tidak membuat pernyataan mengenai kualiti atau kesesuaian Ganjaran Kempen untuk apa-apa juga tujuan.

PENUNAIAH KEMPEN & PEMILIHAN PEMENANG

- 23) **Penunaian Kempen dan Proses Pemilihan Pemenang Kempen untuk Hadiah Bulanan (Baucar Kod Promo Pick A Trip RM300)** adalah seperti berikut:
- a. Pemegang Kad yang Layak yang memenuhi semua syarat Kempen yang terkandung di sini akan disenarai pendek berdasarkan tiga puluh (30) Penyertaan Layak terkumpul yang tertinggi setiap bulan untuk Hadiah Bulanan (“Pemenang yang Disenarai Pendek”);
 - b. Sekiranya keputusannya adalah seri, Bank akan menentukan pemenang berdasarkan tarikh dan rekod masa transaksi terawal bagi Pemenang yang Disenarai Pendek;
 - c. Kad Kredit mestilah sah, aktif (tidak dorman, ditutup atau ditamatkan) dan mempunyai kedudukan kredit yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh Bank menurut dasar dalaman Bank, supaya layak untuk mengambil bahagian dan mendapatkan Hadiah Bulanan. Sekiranya Pemegang Kad yang Layak menutup akaun Kad Kredit atas sebarang sebab dalam Tempoh Kempen atau Tempoh Penunaian, penyertaannya dalam Kempen ini akan terbatal dan menjadi tidak sah dengan serta-merta;
 - d. Hadiah Bulanan akan diberi kepada Pemenang Kempen dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tamat setiap Bulan Kempen sebagaimana dalam Jadual 5 (“Tempoh Penunaian”);
 - e. Pemenang Kempen akan dimaklumkan oleh Bank sama ada melalui Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”), Mel Langsung Elektronik (“EDM”) atau pemberitahuan automatik aplikasi mudah alih **allianceonline** yang dihantar ke nombor telefon bimbit atau alamat e-mel mereka yang terkini yang direkod dan terdapat dalam sistem dan/atau rekod Bank; dan termasuk kod baucar Hadiah Bulanan.
 - f. Semua Pemenang Kempen bertanggungjawab untuk memastikan bahawa nombor telefon dan/atau alamat e-mel mereka adalah yang terkini dan telah dikemas kini dengan Bank. Penunaian dan/atau pemberitahuan Hadiah Bulanan akan dilaksanakan berdasarkan nombor telefon dan/atau alamat e-mel setiap Pemenang Kempen yang terdapat dalam rekod Bank.
 - g. Bank mungkin akan mendedahkan atau mengumumkan nama dan 4 digit terakhir nombor kad pengenalan pemenang Kempen di media, bahan pemasaran atau pengiklanan bagi tujuan Kempen ini (“Pengumuman Pemenang”);

- h. Sekiranya Hadiah Bulanan tidak diterima, Pemenang Kempen perlu menghubungi Pusat Perhubungan Bank (03-5516 9988) sebelum 1 Mei 2025. Pertanyaan tidak akan dilayan selepas 1 Mei 2025;
- i. Setiap Pemenang Kempen layak memenangi sehingga **maksimum dua (2) Hadiah Bulanan** sepanjang Tempoh Kempen.
- 24) **Penunaian Kempen dan Proses Pemilihan Pemenang bagi Hadiah Utama (pilihan pakej lawatan Baucar Hadiah Percutian CIT untuk 2 orang dewasa ke England/ Greece/Turki/China/Jepun bernilai RM46,000, termasuk tiket pergi balik, penginapan, bersiar-siar dan makan minum)** adalah seperti berikut:
- Pemegang Kad yang Layak yang memenuhi semua syarat Kempen yang terkandung di sini akan disenarai pendek menerusi proses pemilihan secara rawak oleh komputer untuk Hadiah Utama ("Pemenang yang Disenarai Pendek");
 - Kad Kredit mestilah sah, aktif (tidak dorman, ditutup atau ditamatkan) dan mempunyai kedudukan kredit yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh Bank menurut dasar dalaman Bank, supaya layak untuk mengambil bahagian dan mendapatkan Hadiah Utama. Sekiranya Pemenang Kempen menutup akaun Kad Kredit atas sebarang sebab dalam Tempoh Kempen atau Tempoh Penunaian, penyertaannya dalam Kempen ini akan terbatal dan menjadi tidak sah dengan serta-merta;
 - Pemenang yang Disenarai Pendek akan dimaklumkan oleh Bank sama ada melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("**SMS**"), Mel Langsung Elektronik ("**EDM**") atau **pemberitahuan automatik aplikasi mudah alih allianceonline** yang dihantar ke nombor telefon bimbit atau alamat e-mel mereka yang terkini yang direkod dan terdapat dalam sistem dan/atau rekod Bank;
 - Pemenang yang Disenarai Pendek akan dihubungi oleh wakil Bank melalui panggilan menggunakan maklumat yang direkodkan dalam sistem Bank dalam tempoh tiga (3) bulan setelah tamat Tempoh Kempen seperti dalam Jadual 5 ("**Tempoh Penunaian**");
 - Pemenang yang Disenarai Pendek perlu menjawab satu soalan mudah berkenaan Kempen ini untuk memenangi Hadiah Utama. Pemenang yang Disenarai Pendek yang gagal menjawab soalan dengan betul akan tersingkir dan Bank akan memilih Pemenang yang Disenarai Pendek yang seterusnya;
 - Sekiranya Pemenang yang Disenarai Pendek tidak dapat dihubungi atas apa juga sebab selepas 3 cubaan dibuat pada hari yang sama dan/atau Pemenang yang Disenarai Pendek ingin menarik diri daripada Kempen setelah dihubungi oleh wakil Bank, pemenang tersebut akan tersingkir daripada Kempen ini.
 - Semua Pemenang Kempen bertanggungjawab untuk memastikan bahawa nombor telefon dan/atau alamat e-mel mereka adalah yang terkini dan telah dikemas kini dengan Bank. Penunaian dan/atau pemberitahuan Hadiah Utama akan dilaksanakan berdasarkan nombor telefon dan/atau alamat e-mel setiap Pemenang Kempen yang terdapat dalam rekod Bank.
 - Bank mungkin akan mendedahkan atau mengumumkan nama, foto dan 4 digit terakhir nombor kad pengenalan pemenang Kempen di media, bahan pemasaran atau pengiklanan bagi tujuan Kempen ini ("**Pengumuman Pemenang**");
 - Setiap Pemenang Kempen layak memenangi sehingga **maksimum satu (1) Hadiah Utama** sepanjang Tempoh Kempen.
- 25) Tempoh Penyertaan Kempen dan Tarikh Penunaian Hadiah adalah seperti dalam Jadual 5 di bawah:

Jadual 5: Tempoh Penunaian Kempen

Kategori Hadiah	Bulan Penyertaan Kempen ("Bulan Kempen")	Tarikh Penunaian
Hadiah Bulanan	28 Oktober 2024 – 30 November 2024	Sebelum 28 Februari 2025
	1 Disember 2024 – 31 Disember 2024	Sebelum 31 Mac 2025
Hadiah Utama	28 Oktober 2024 – 31 Disember 2024	Sebelum 31 Mac 2025

- 26) Bank berhak menyingkirkan penyertaan mana-mana Pelanggan yang Layak atau membatalkan Hadiah Kempen sekiranya terdapat transaksi yang berunsur penipuan, dibuat tanpa kebenaran atau dibalikkan atau berlaku pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen ini menurut dasar dalaman Bank. Semua rekod Bank berkenaan transaksi yang dibuat adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
- 27) Untuk mengelakkan keraguan, adalah menjadi kewajipan Pemegang Kad yang Layak untuk mengemukakan nombor telefon dan alamat e-mel yang terkini dan tepat kepada Bank. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pemegang Kad yang Layak disebabkan oleh nombor telefon dan/atau alamat e-mel yang tidak tepat / tidak sah yang dikemukakan oleh Pemegang Kad yang Layak, atau notifikasi tidak dapat dihantar/disampaikan atas sebarang sebab yang tidak berpunca daripada Bank.
- 28) Hadiah Kempen tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan tunai, cek, kredit dan/atau barangan. Keputusan Bank berkenaan semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat serta sebarang surat-menyurat, rayuan atau cubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan. Bank tidak akan melayan sebarang permintaan daripada mana-mana Pemegang Kad yang Layak atau mana-mana individu untuk memindahkan atau menukar Hadiah Kempen kepada mana-mana akaun pihak ketiga.

- 29) Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak membuat sebarang pernyataan atau waranti berkenaan Agensi dan sebarang pakej dan perkhidmatan yang disediakan oleh Agensi. Bank juga tidak membuat pernyataan atau waranti berhubung dengan kesesuaian Ganjaran Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahan dan/atau penggunaan Ganjaran Kempen dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan Ganjaran Kempen yang tidak sah atau dibatalkan). Bank tidak memberi jaminan atau bertanggungjawab atas sebarang kerosakan atau kecederaan yang diakibatkan oleh penggunaan Ganjaran Kempen serta tidak membuat pernyataan mengenai kualiti atau kesesuaian Ganjaran Kempen untuk apa-apa juga tujuan.

TERMA DAN SYARAT AM

- 30) Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak perlu membaca, dan memahami terma yang ditetapkan sebelum memberi persetujuan terhadap Terma dan Syarat Kempen ini. Terma dan Syarat Kempen ini dan keputusan Bank berkenaan segala hal yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan mengenainya tidak akan dilayan.
- 31) Bank berhak menarik balik/membatalkan, menamatkan, menggantung atau melanjutkan Kempen ini dan menambah, mengeluarkan, menggantung dan/atau mengubah Terma dan Syarat Kempen ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya menurut budi bicaranya dengan memberikan notis terlebih dahulu menerusi hantaran di laman web Bank, paparan di premis cawangan atau iklan atau melalui sebarang cara komunikasi lain yang menjadi pilihan Bank dan ia akan mengikat Pemegang Kad yang Layak mulai tarikh pemberitahuan atau mulai tarikh lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dalam pemberitahuan tersebut. Pemegang Kad yang Layak dengan ini bersetuju untuk sering mengakses laman web Bank bagi tujuan menyemak Terma dan Syarat Kempen ini.
- 32) Bank berhak, menurut budi bicaranya berdasarkan dasar dalaman bank, menukar atau menggantikan Ganjaran Kempen dengan item atau ganjaran lain yang mempunyai nilai yang setara pada bila-bila masa, dengan memberikan notis terlebih dahulu melalui laman web bank.
- 33) Terma dan Syarat Kempen merupakan tambahan kepada terma dan syarat sedia ada yang mentadbir Produk dan akaun perbankan pemegang kad dengan Bank ("Terma Sedia Ada").
- 34) Terma dan Syarat Kempen ini serta keputusan Bank berkenaan segala hal yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad yang Layak dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan mengenainya tidak akan dilayan.
- 35) Bank tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang jenis liabiliti yang timbul atau dialami oleh Pemegang Kad yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Kempen ini yang diakibatkan oleh tindakan pemegang kad itu sendiri. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan oleh Pemegang Kad yang Layak dalam apa juga cara sekiranya Bank tidak berupaya melaksanakan mana-mana obligasinya di bawah Kempen ini sama ada secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh sebarang kejadian force majeure yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada bencana alam, peperangan, mogok, rusuhan, pertikaian industri, sekatan masuk kerja, kebakaran, kemarau, banjir, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan Bank.
- 36) Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang bentuk kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, kesilapan elektronik dan/atau sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi oleh Visa International, syarikat saudagar, pihak pos atau telekomunikasi atau mana-mana pihak lain yang boleh menjejaskan kelayakan Pemegang Kad yang Layak dalam Tempoh Kempen.
- 37) Akaun Kad Kredit dan akaun Pemegang Kad yang Layak mestilah sentiasa (i) sah, mempunyai kedudukan kredit yang baik dan tidak melanggar mana-mana terma dalam Terma dan Syarat Kempen ini atau Terma Sedia Ada; dan (ii) tidak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank, untuk memperoleh Ganjaran Kempen.
- 38) Bank berhak menyingkirkan penyertaan mana-mana Pemegang Kad yang Layak atau membatalkan Ganjaran Kempen sekiranya terdapat transaksi yang berunsur penipuan, dibuat tanpa kebenaran atau dibalikkan atau berlaku pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen ini menurut dasar dalaman ABMB. Semua rekod Bank berkenaan transaksi yang dibuat adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.

- 39) Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Kempen ini atau penyingkiran Pemegang Kad yang Layak atau penarikan balik Ganjaran Kempen tidak akan memberikan hak kepada Pemegang Kad yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank atau bagi sebarang dan segala kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh pembatalan, penamatan, penggantungan, pelanjutan, penyingkiran atau penarikan balik tersebut yang diakibatkan oleh tindakan Pemegang Kad yang Layak itu sendiri.
- 40) Pemegang Kad yang Layak bertanggungjawab atas segala cukai, kadar, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan kepada mereka menurut undang-undang yang berkenaan, sekiranya ada, berhubung dengan Kempen ini.
- 41) Pemegang Kad yang Layak dengan ini memberikan persetujuan dan kebenaran sepenuhnya yang tidak boleh ditarik balik kepada ABMB untuk menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, sebarang gambar yang diambil, sebarang video yang dirakam dan/atau maklumat lain untuk iklan dan/atau promosi yang terhad untuk Kempen ini sahaja, tanpa sebarang pampasan kepada Pemegang Kad yang Layak.
- 42) Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Pernyataan Prinsip Notis dan dan Pilihan yang terdapat di laman web Bank <https://www.alliancebank.com.my/Notice-and-Choice-Principle-Statement-Personal-Data-Protection-Act-2010>) dan dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan maklumat mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Bank bagi tujuan penganjuran Kempen ini.
- 43) Bank telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirangka untuk mencegah rasuah dan penyelewengan oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau kakitangannya; dan setakat pengetahuan Bank, Bank atau mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan antipenyelewengan yang perlu dipatuhi oleh Bank. Bank tidak pernah, dan berjanji tidak akan, merujuk kepada pengendalian kegiatan perniagaan, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk melaksanakan, atau membuat sebarang tindakan untuk memberikan sebarang bayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau lain-lain pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang pengumuman, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
- 44) Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar antirasuah dan antipenyelewengan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan selanjutnya berjanji/mengaku janji bahawa mereka tidak akan terlibat dengan amalan penyelewengan dalam apa cara sekalipun, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.

PENCEGAHAN DAN PENGURANGAN PENIPUAN DAN SCAM PERBANKAN

- 45) Bank mungkin dari semasa ke semasa menyediakan maklumat atau kandungan terkini untuk pengetahuan dan kesedaran Pemegang Kad yang Layak bagi membantu mencegah dan mengurangkan risiko penipuan dan scam. Ini termasuklah tetapi tidak terhad kepada tip keselamatan, pengemaskinian perisian/sistem pengendalian/aplikasi/versi, dan ketetapan peraturan oleh badan pentadbiran yang berkenaan.
- 46) Pemegang Kad yang Layak mesti memastikan bahawa segala instrumen perbankan disimpan dengan baik, contohnya buku cek/kepingan cek, token keselamatan, kad debit, PIN bagi perbankan menerusi telefon, butiran keselamatan log masuk bagi perbankan internet dan mudah alih, dan kod pengesahan transaksi (TAC). Pemegang Kad yang Layak perlu memaklumkan kepada Bank dengan segera sebaik sahaja menyedari kehilangan mana-mana yang tersebut di atas atau berlakunya penggunaan tanpa kebenaran atau pengesahan yang sewajarnya Pemegang Kad yang Layak tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap kerugian yang disebabkan oleh transaksi tanpa kebenaran yang berlaku selepas Pemegang Kad yang Layak memaklumkan kepada Bank menurut Terma dan Syarat ini bahawa instrumen perbankan Pemegang Kad yang Layak yang dinyatakan di atas telah hilang, disalahgunakan, dicuri, terjejas atau diceroboh.
- 47) Sekiranya sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad yang Layak dikaitkan dengan kecuaiannya yang disengajakan oleh Bank semata-mata, satu-satunya dan keseluruhan liabiliti yang ditanggung oleh Bank (sama ada berkenaan satu atau lebih tuntutan) terhadap Pemegang Kad yang Layak dari segi kontrak atau tort adalah tidak melebihi amaun transaksi yang menimbulkan tuntutan atau ganti rugi langsung yang dialami, mana-mana yang lebih rendah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas kerugian perniagaan, kerugian keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan data, ganti rugi tidak langsung, turutan, khas atau sampingan, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pelepasan pembayaran, award,

penalti, prosiding dan kos tanpa mengira kemungkinan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut telah diberitahu kepada, atau secara munasabahnyanya telah boleh dijangka oleh Bank.

- 48) Setelah dimaklumkan oleh Pemegang Kad yang Layak mengenai kejadian tersebut, Bank akan menjalankan siasatan dan Pemegang Kad yang Layak dikehendaki menyediakan maklumat dan kerjasama secukupnya untuk membantu siasatan. Bank dengan ini diberi kuasa untuk mengambil langkah berikut sebaik sahaja kejadian tersebut dikesan (dengan/tanpa persetujuan pelanggan terlebih dahulu) untuk mengelakkan atau mengurangkan kerugian kewangan selanjutnya semasa Bank membuat siasatan:
- a. Menggantung atau membekukan akaun yang berkenaan;
 - b. Membatalkan atau mengeset semula akses perbankan internet atau mudah alih Pemegang Kad yang Layak; dan/atau;
 - c. Membatalkan kesahan instrumen perbankan; dan Pemegang Kad yang Layak akan dimaklumkan setelah yang di atas telah dilaksanakan.